

06 SEP 2001

Modenas-Model

DUA MODEL BARU MODENAS DIPERKENALKAN TAHUN HADAPAN

MELAKA, 6 Sept (Bernama) -- Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas), pembuat motosikal nasional yang beroperasi di Kedah, menjangka dapat memperkenalkan dua lagi model baru keluarannya tahun hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos) Nik Danial Nik Mohmood berkata, dua model berkenaan adalah sebagai menambah model keluaran Modenas yang sedia ada iaitu motosikal empat lejang Kriss dan Modenas Jaguh.

"Kita mengambil masa lama untuk mengeluarkan sesebuah model motosikal baru kerana perlu memastikan model berkenaan menepati citarasa dan kualiti yang ditentukan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani perjanjian usahasama antara Kolej Yayasan Melaka (KYM) dan Modenas yang bertujuan menjayakan program penawaran kursus kemahiran mekanik motosikal di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di KYM.

Nik Danial berkata pada masa ini, syarikat itu berpuashati dengan sambutan terhadap dua model Modenas yang sedia ada, terutamanya Kriss yang menguasai 50 peratus pasaran motosikal tempatan.

Menurutnya, malahan kedua-dua model Modenas itu menepati ciri-ciri dan mampu bersaing dalam Afta.

Modenas hasil ilham Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad dilancarkan pada 1995 dan memulakan operasinya pada September 1996.

Bermodalkan pelaburan RM300 juta dan dengan keluaran dua modelnya kini iaitu Kriss pada November 1996 dan Jaguh (1999), Modenas berjaya menunjukkan kemampuan dengan menyaingi jenama-jenama lain di pasaran tempatan selain diterima baik di beberapa buah negara di Asia.

Sejak ia dipasarkan di luar negara pada tahun 1998, ia berjaya mengesport sebanyak 30,000 unit motosikal berkenaan ke negara-negara seperti Kemboja, Greek dan Iran.

Nik Danial berkata sasaran syarikat itu ialah menjual 400,000 unit motosikalnya di rantau ini, iaitu memenuhi 10 peratus permintaan pasaran motosikal di Asia yang berjumlah 4 juta unit setahun.

Beliau berkata selain itu, syarikat itu turut merancang untuk mengeluarkan motosikal `sport' yang berkuasa antara 125 c.c dan 250 c.c bagi memenuhi permintaan pasaran.

"Untuk mengeluarkan motosikal berkuasa tinggi seperti 500 c.c mungkin buat masa ini kita masih kurang kemampuannya, tetapi berkuasa seperti 125 c.c dan 250 c.c dilihat boleh memenuhi keperluan pasaran," katanya.

Nik Danial berkata syarikat itu kini sedang memperkukuhkan bahagian Penyelidikan dan Pembangunannya (R&D) dengan sasaran untuk mengeluarkan motosikal yang 100 peratus dibuat oleh rakyat negara ini.

Beliau berkata buat masa ini pemindahan teknologi antara Modenas dan syarikat pembuat motosikal Kawasaki berterusan dan baik.

Ditanya perancangannya untuk mengeluarkan skuter, beliau berkata ia masih dalam perancangan.

-- BERNAMA

SBS PR